



## **Memperkasa aspirasi ekonomi dan gaya belia Melayu: Faktor penentu kemenangan dalam pilihan raya umum ke-15**

Marzudi Md Yunus, Azrie Azeh, Rohaidah Haron

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Correspondence: Marzudi Md Yunus (email: marzudi@um.edu.my)

Received: 26 June 2022; Accepted: 10 August 2022; Published: 31 August 2022

### **Abstrak**

Belia sering dilihat mempunyai semangat yang tinggi dan optimis dalam mendukung idea perubahan dalam sesebuah negara. Idea yang menjadi aspirasi kepada belia dalam sesebuah negara boleh mempengaruhi masyarakat umum. Artikel ini bertujuan mengenal pasti kedudukan, pengaruh antara aspirasi dan hubungannya dengan pemboleh ubah bebas dan bersandar yang mewujudkan suatu aspirasi kepada belia. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik terhadap 455 orang responden dari Parlimen Marang yang terdiri daripada belia yang berumur 18 hingga 40 tahun yang dipilih secara rawak berstrata. Hasil kajian menunjukkan belia cenderung memilih aspirasi yang melibatkan gaya hidup, sukan dan ekonomi sebagai pilihan utama. Hasil kajian juga telah menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara aspirasi dalam kalangan belia. Bagaimanapun, kewujudkan aspirasi dalam kalangan belia tidak mempunyai hubungan yang kuat dengan faktor jantina, umur, pekerjaan dan tahap pendidikan. Implikasi dapatan kajian telah menunjukkan bahawa aspirasi belia yang wujud adalah tidak berdasarkan kepada penilaian-penilaian yang matang daripada belia itu sendiri. Dapatkan daripada makalah ini boleh digunakan oleh parti politik untuk merangka strategi yang sesuai dalam kempen pilihanraya akan datang. Oleh itu, dasar undi pada umur 18 tahun perlu dikaji semula kewajarannya agar penentuan yang dibuat oleh belia dalam suatu pilihan raya tidak dibuat berdasarkan pilihan yang salah.

**Kata kunci:** Aspirasi, belia, Pilihan Raya Umum ke-15, politik Malaysia, undi

## **Strengthening the economic aspirations and styles of Malay youth: Factors determining victory in the 15th general election**

### **Abstract**

Youth are often seen as having a high spirit and optimism in supporting the idea of change in a country. Ideas that become aspirations for the youth in a country can influence the general public. This article aims to identify the position, influence between aspirations and their relationship with

independent and dependent variables that create an aspiration for youth. This study used a questionnaire method on 455 respondents from the Marang Parliament consisting of youth aged 18 to 40 years who were randomly selected in a stratified manner. The results of the study show that youth tend to choose aspirations that involve lifestyle, sports and economics as the main choice. The results of the study have also shown that there is a significant relationship between aspirations among youth. However, the existence of aspirations among youth does not have a strong relationship with the factors of gender, age, occupation and level of education. The implications of the research findings have shown that the existing aspirations of the youth are not based on the mature evaluations of the youth themselves. Findings from this paper can be used by political parties to devise appropriate strategies in future election campaigns. Therefore, the basis of the vote at the age of 18 needs to be reviewed for its appropriateness so that the decisions made by the youth in an election are not made based on the wrong choice.

**Keywords:** Aspirations, youth, 15th General Election, Malaysian politics, votes

## Pendahuluan

Aspirasi Arab Spring di Timur Tengah dalam menuntut pembaharuan pentadbiran telah menggambarkan betapa kuatnya pengaruh belia dalam pembentukan landskap politik sesebuah negara. Penglibatan belia menuntut pembaharuan sistem pentadbiran dan politik telah mewujudkan semangat dan aspirasi kepada belia di seluruh dunia. Keadaan ini membuktikan bahawa aspirasi merupakan perkara fundamental dan utama mencetuskan tuntutan daripada belia. Gerakan belia mudah memberi sokongan bangkit menjatuhkan pemerintahan autokratik. Pendemokrasian menjadi modal utama dalam gerakan Arab Spring. Isu-isu yang ditimbulkan berkisar isu korupsi, kebebasan bersuara dan peluang yang lebih dalam politik dan pentadbiran (Abbott, Teti & Sapsford, 2021). Gerakan ini disifatkan sebagai kuasa baru rakyat menentang rejim lama. Amalan korupsi, sistem kuku besi, isu pengangguran belia dan kepincangan ekonomi menjadi punca kejatuhan rejim di Tunisia, Mesir, Libya, Algeria, Syria & Maghribi sebagai punca kebangkitan rakyat (Mohd Irwan, 2018). Hal ini selaras dengan pandangan Sika (2021) yang mengatakan bahawa belia seboleh-bolehnya ingin mengubah dunia dan lingkungan mereka berdasarkan apa-apa yang mereka rasakan baik.

Di Malaysia, belia mempunyai aspirasi tinggi, mereka mahukan pembaharuan sosial yang melibatkan politik, ekonomi dan sosial (Nanjunda, 2019). Aspirasi belia dalam sesebuah negara mampu mewujudkan gerakan massa yang mengubah dasar, hala tuju dan juga sistem kenegaraan sesebuah negara (Ananthpur & Viswanathan, 2019). Semangat yang kuat ini merupakan kekuatan penting bagi sesuatu masyarakat membuat perubahan yang drastik (Petukhov, 2020). Perubahan yang dibawa mampu mempengaruhi masyarakat dan juga memberi kesan terhadap negara serantau dan global (Mohd Irwan, 2018). Golongan belia merupakan satu entiti yang menjadi kumpulan tumpuan oleh kerajaan mahupun pembangkang bagi memenangi pilihan raya. Dalam konteks Malaysia, menerusi Pilihan Raya ke-12, Pilihan Raya ke-13 dan Pilihan Raya ke-14, belia telah menjadi golongan penyumbang dan penentu kemenangan sesuatu parti politik (Yazid et al., 2020).

Keputusan Pilihan Raya Umum 2018 menunjukkan pola pengundi muda mula tertarik dengan agenda politik yang bersifat universal dengan nilai-nilai sivil yang merentasi sempadan etnisiti. Junaidi et al. (2020) menjelaskan, majoriti belia mula tertarik dengan idea politik keadilan sejagat yang dipromosikan oleh parti pembangkang, khususnya Democratic Action Party (DAP)


dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Agenda politik sivil yang lebih menekankan agenda mengenai demokrasi, hak asasi, pendidikan, kesihatan, keselamatan sosial, alam sekitar dan persamaan gender telah menjadi pilihan mencetuskan isu. Politik sivil menentang keras segala bentuk akta yang dianggap bercanggah dengan amalan demokrasi dan hak asasi manusia. Isu sosial dan ekonomi yang menjurus kepada kaum dikatakan tertindas telah diperjuangkan sepenuhnya oleh parti pembangkang. Perkara tersebut amat jelas dapat dilihat dalam isu Badan Bertindak Hak-Hak Hindu (Hindraf). Politik sivil diperjuangkan secara agresif dan konsisten menerusi media siber secara meluas dan terbuka. Perjuangan politik sivil ini telah mempengaruhi minda belia yang berfikiran terbuka. Pengendali media siber mengubah kaedah berkempen seperti ditunjukkan dalam Pilihan Raya Umum 2018.

Aspirasi belia terhadap pentadbiran dan politik negara merupakan sesuatu aspek penting dalam penentuan mereka memilih sesuatu parti politik dan calon dalam pilihan raya. Pada pilihan raya umum yang lepas, dapat diketahui bahawa belia cenderung memilih idea-idea yang bersifat konseptual sejagat seperti hak asasi, kebebasan, ketulusan, ekonomi dan demokrasi sebagai penanda aras dalam pengundian mereka (Junaidi et al., 2020; Yazid et al., 2020). Perkembangan minat belia terhadap politik menjadi dinamika baharu dalam masyarakat. Justeru, objektif makalah ini adalah untuk mengenal pasti kedudukan aspirasi belia yang terbit dalam masyarakat pada masa ini. Objektif kedua ialah untuk menganalisis korelasi setiap satu aspirasi dengan aspirasi yang lain, manakala objektif yang ketiga adalah untuk menganalisis pengaruh pemboleh ubah penting terhadap aspirasi-aspirasi belia di Malaysia.

## Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah soal selidik. Data numerikal yang diperoleh membantu mencapai tujuan kajian, iaitu untuk mendapatkan maklumat mengenai kecenderungan mereka dalam isu-isu yang dititikberatkan dalam pilihan raya. Data soal selidik dianalisis secara deskriptif yang melibatkan analisis frekuensi dan peratusan untuk meneliti profil responden dan tahap aspirasi. Di samping itu, analisis *crosstab* digunakan untuk mengenalpasti kewujudan hubungan antara beberapa pemboleh ubah kajian. Kajian ini melibatkan seramai 455 responden dari Parlimen Marang, Terengganu yang dipilih menjadi sampel kepada kajian ini (Rajah 1). Marang dipilih kerana ia merupakan kawasan yang tradisi yang dimenangi oleh Parti PAS. Sebarang perubahan aspirasi yang dilakukan oleh belia boleh dijadikan indikator penting kepada perubahan aspirasi belia di kawasan lain yang mempunyai komposisi belia dan sosio-budaya. Responden berumur 18 hingga 40 tahun dipilih secara bukan rawak secara berstrata daripada jumlah populasi belia di Parlimen Marang yang seramai 48,600 orang. Berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan, jumlah sampel minima yang diperlukan adalah seramai 381 orang sahaja (Chua, 2011). Kaedah persampelan rawak mudah berstrata digunakan untuk penetapan jumlah responden mengikut kategori umur. Jadual 1 merupakan maklumat ringkas mengenai responden penyelidikan ini dan Rajah 2 merupakan kerangka konsep kepada kajian ini. Aspirasi belia yang wujud dalam sesebuah negara perlu dikenal pasti tahap keutamaannya. Pengetahuan mengenai tahap kedudukan aspirasi membolehkan parti politik merangka dasar manifestasi yang terbaik bagi mendapat sokongan belia. Hubungan antara aspirasi juga perlu dikenalpasti kaitan antara satu dengan yang lain. Penyelesaian terhadap suatu aspirasi boleh menyelesaikan aspirasi yang lain (Marzudi et al., 2020). Aspirasi memerlukan pencetus untuk menjadi suatu isu yang mempengaruhi pemikiran belia. Oleh itu, kajian ini akan mengenal


pasti pengaruh yang wujud daripada pemboleh ubah yang dicadangkan oleh pengkaji. Dapatkan daripada soal selidik dan ujian korelasi akan dianalisis untuk merumus kesimpulan aspirasi signifikan yang menjadi asas tuntutan belia dalam negara.



**Rajah 1.** Peta lokasi parlimen/daerah Marang.

**Jadual 1.** Profil ringkas responden.

Pemboleh ubah	Lelaki	Perempuan
Umur		
15-19	53	86
20-24	52	33
25-29	37	33
30-34	39	42
35-39	51	29
Pekerjaan		
Kerajaan	30	29
Badan berkanun	54	18
Swasta	2	0
Sendiri	52	34
Tidak bekerja	11	35
Pelajar sekolah	46	86
Pelajar IPT/Kemahiran	37	22
Pendapatan		
RM0-RM1000	106	160
RM1001-RM2000	72	40
RM2001-RM3000	35	12
RM3010 dan ke atas	19	11
Pendidikan		
Sekolah/asas	135	131
Sijil Kemahiran	46	18
Diploma	30	48
Ijazah dan ke atas	21	26
Jumlah	232	223



Rajah 2. Kerangka konseptual kajian.

## Sorotan literatur

Pekerjaan merupakan aspek penting yang menjadi inspirasi kebanyakan golongan belia. Kebanyakan belia akan merancang perkerjaan semenjak alam persekolahan lagi. Sebahagian besar belia yang dikaji mempunyai peluang yang rendah untuk mendapatkan pekerjaan yang mereka inginkan. Didapati status kelas sosial yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan mendapat pekerjaan yang dipilih (Assaad & Krafft, 2021). Mok, Xiong dan Ye (2021) menjelaskan bahawa isu pekerjaan belia memberi impak perubahan sosial dan ekonomi yang pesat yang disebabkan oleh teknologi eksponensial dan wabak penyakit Covid-19 telah meningkatkan pengangguran global yang serius. Masalah pekerjaan siswazah yang dihadapi oleh masyarakat di seluruh dunia boleh menjadi isu yang besar. Ramai golongan belia yang telah terjejas. Arlyapova dan Ponomareva (2021) menjelaskan, pekerjaan berhubungan dengan kebebasan ekonomi yang turut menjadi keutamaan. Belia di Kosovo lebih mementingkan kerancakan ekonomi kerana mereka berupaya mengambil bahagian dengan membina peluang pekerjaan sendiri yang mampu mengurangkan pengangguran.

Kajian yang dilakukan oleh Karruz dan Mello (2021) pula menjelaskan bahawa sistem kuota yang diamalkan di Brazil cenderung untuk melahirkan ketidaksamaan sosial yang turut melibatkan sistem pendidikan yang seterusnya berlanjut kepada sektor ekonomi belia. Kebebasan ekonomi secara sepenuhnya akan memberi peluang yang lebih untuk memiliki sumber dan mengawal sumber. Perkara ini akan menghasilkan kebebasan ekonomi dalam kalangan masyarakat. Kebergantungan belia terhadap sistem kuota memberi kesan psikologi kepada belia. Pelaksanaan sistem kuota juga turut melibatkan dimensi jantina yang berbeza. Akhirnya boleh dirumuskan bahawa status kelas sosial mempengaruhi faktor kejayaan golongan belia di Mesir dalam memilih jenis pekerjaan.

Dida (2021) memfokuskan kepada kepincangan sistem ekonomi telah menyebabkan pengangguran belia kerana tiada kesimbangan permintaan dan penawaran. Sistem pengagihan ekonomi yang kurang cekap dan pengembangan pekerjaan serta keusahawanan yang perlahan menambahkan lagi beban pengangguran kepada belia. Hakikatnya belia berhadapan dengan masalah pengangguran yang serius di Ethiopia. Sekiranya masalah pengangguran tidak dapat

diselesaikan, maka pergolakan sosial akan berlaku. Oleh itu, untuk mengatasi masalah pengangguran dan ekonomi belia, mereka perlu diutamakan dengan mengembangkan sosialisasi dari segi mempromosikan penciptaan pekerjaan dan keusahawanan bagi meningkatkan potensi diri dan membentuk agen perubahan dalam masyarakat. Henning et al. (2022) pula menfokuskan kajian terhadap aspirasi yang disifatkan bertanggungjawab, iaitu kesedaran belia terhadap keselamatan ekonomi makanan juga menjadi pendorong utama belia menceburkan diri dalam sektor pertanian di Afrika Selatan. Ancaman kebuluran yang mengancam keselamatan mewujudkan aspirasi dalam sektor pertanian di negara Afrika tersebut.

Golongan belia Colobane di Dakar sangat lantang dan aktif mempromosi proses perubahan ekonomi dan amalan pemerintahan demokrasi. Mereka mempunyai aspirasi jelas mengenai perlunya politik telus dan amalan demokratik. Mereka terbuka memperjuangkan wacana dan aspirasi politik, urus tadbir yang demokratik bertanggungjawab dan telus serta mempertikaikan kebiasaan yang tidak selaras dengan sistem demokrasi baik (Selboe, 2010). Ikalewumi dan Olaniran (2021) pula menjelaskan bahawa belia sentiasa mempunyai aspirasi dalam kehidupan seiring dengan pembangunan yang dimiliki oleh kematangan belia. Aspirasi yang ditetapkan perlu berorientasikan wawasan masa hadapan. Gergan dan Curley (2021) juga menjelaskan belia di India, mempunyai motivasi yang jitu dalam memperjuangkan kemajuan pada peringkat komuniti. Mereka mengartikulasi masa depan dekolonial dengan membina infrastruktur yang tidak bersifat mega, tetapi lebih menumpukan pembangunan yang bersifat komuniti.

Golongan belia juga turut terinspirasi dengan perubahan gaya hidup dan sentiasa ingin mengikut keadaan semasa yang bersifat glamor dan terkini. Fenomena ini memperlihatkan kejayaan dan pencapaian hidup golongan muda dalam persekitaran moden. Kebanyakan daripada belia akan menonjolkan penampilan moden dalam platform seperti *Instagram*. Mereka memperlihatkan gaya hidup moden, pemakaian yang glamor, mempamerkan jenama eksklusif dan barang-barang bergaya serta mengubah dan memodelkan diri agar sesuai dengan ideal kecantikan yang menekankan awet muda, kulit cerah, badan langsing dan rambut lurus. Selain ciri-ciri fizikal ini, belia di *Instagram* perlu tampil dengan cara yang boleh memperlihatkan realiti kehidupan mereka di dunia realiti dan menjadi ikutan kepada wanita lain. Kejayaan golongan belia dalam kehidupan telah diukur melalui penampilan peribadi mereka dalam persekitaran sosial dan juga persekitaran yang dicipta oleh mereka sendiri. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapatnya beberapa pola terhadap inspirasi belia yang berbeza mengikut jantina (Somaiah & Yeoh, 2021; Dunn & Falkof, 2021). Selain itu, pandangan Gartner (2021) dan Guerra et al., (2021) tentang belia dilihat sedikit berbeza. Muzik dan lagu digunakan untuk menzahirkan ekspresi diri dan pemikiran belia kepada masyarakat. Pemuzik di Ghana memperlihatkan naratif kejantanan yang mengetengahkan isu-isu semasa berkaitan politik, ekonomi dan sosial yang dihadapi oleh masyarakat dalam persembahan muzik mereka.

Sememangnya faktor gender juga mempunyai peranan dalam penentuan aspirasi. Lelaki dan wanita mempunyai kecenderungan yang berbeza. Wanita didapati mempunyai aspirasi yang lebih tinggi terhadap pekerjaan berbanding lelaki. Wanita meletakkan impian yang tinggi terhadap kerjaya yang akan ceburi. Kecenderungan terhadap perkeraan telah menunjukkan minat yang ketara dalam terhadap kualiti pendidikan dalam kalangan belia wanita (Wicht et al., 2022). Belia lelaki didapati mempunyai aspirasi yang tinggi terhadap sukan, terutamanya terhadap sukan yang melibatkan aktiviti berpasukan. Menurut Vasyl dan Marian (2022), perkara ini selaras dengan teori penentuan nasib sendiri (*Self-Determination Theory*) dalam membina keupayaan seseorang untuk memilih strategi dan taktik tindakan mereka bagi mencapai keperluan dalaman (minat, aspirasi

kendiri), dan motivasi luaran (masyarakat) yang berkaitan dengan ganjaran, anggaran, tekanan atau pendapat orang lain.

Sementara itu, di Malaysia menunjukkan bahawa belia mempunyai idea dan kemahiran yang cukup untuk bersaing dalam pasaran tempatan dan global. Cabaran-cabaran semasa menjalankan perusahaan kecil dan sederhana kadangkala tidak dapat ditangani dengan sempurna akibat kekurangan pengalaman dalam menjalankan operasi perniagaan kecil dan sederhana. Bimbingan dan bantuan kerajaan bagi menghadapi persaingan dalam pasaran terbuka amat diperlukan. Potensi belia dalam bidang keusahawanan dan perniagaan IKS perlu digilap pada peringkat awal lagi dan perlu ditambah baik dan secara berterusan demi mencapai kejayaan dalam bidang tersebut. Walaupun tumpuan utama belia kepada perkara yang melibatkan kepentingan diri mereka, mereka turut memberi tumpuan kepada aspek yang melibatkan masyarakat (Muhamamad Zulhafizi & Zurinah, 2021). Pada masa yang sama perkara-perkara yang melibatkan masyarakat ialah sistem pemerintahan, pembangunan menyeluruh, pembangunan komuniti dan juga aspek sosial mendapat tempat dalam kalangan belia (Selboe, 2010; Ikalewumi & Olaniran, 2021; Huijsmans, Ansell & Froerer, 2021; Gergan & Curley, 2021).

Berikut daripada keinginan belia yang menampilkan gaya hidup mewah ini, mereka mula mementingkan kebebasan kewangan bagi mencapai keperluan gaya hidup tersebut (Web, 2021). Peluang-peluang luas dalam sektor ekonomi perlu diwujudkan dalam pelbagai sektor agar dapat memenuhi keperluan belia (Mok, Xiong & Ye, 2021). Isu-isu pekerjaan bagi mendapatkan sumber kewangan mula menarik perhatian belia. Isu yang berikutnya timbul ialah berkait pula dengan isu urus tadbir negara yang mampu membina peluang pekerjaan dalam negara (Sadovskaya, Fakhrutdinova & Kochanova, 2019). Urus tadbir negara pula pastinya akan berkait dengan isu-isu politik kepartian yang mewujudkan dinamika yang pelbagai dalam kalangan belia yang menuntut pembaharuan (Abbott, Teti & Sapsford, 2020). Isu-isu ini telah membangkitkan semangat dan minat belia untuk menyertai politik kepartian dan membuat tuntutan pembaharuan sistem dalam pentadbiran negara (Akmal & Salman, 2015; Ananthpur & Viswanathan, 2019; Maloutas & Malouta, 2021).

Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana yang dirujuk merupakan aspirasi yang asas dalam kehidupan belia di nama-nama negara di dunia. Manakala kajian yang dilakukan ini menjurus kepada aspirasi yang melibatkan politik dalam sesbuah negara. Pemilihan jenis aspirasi dan faktor boleh ubah bebas dan bersandar dalam kajian ini direka khusus untuk mengenal pasti aspirasi belia dalam aspek politik di Malaysia.

### Dapatan kajian dan perbincangan

Objektif pertama kajian ini ialah mengenal pasti aspirasi yang menjadi keutamaan kepada belia. Jadual 2 merupakan susunan keutamaan aspirasi belia hasil daripada analisis data daripada soal selidik. Berdasarkan maklum balas, didapati bahawa gaya hidup, aktiviti sukan dan hiburan merupakan aspek yang menjadi pilihan paling utama responden. Pilihan kedua pula melibatkan kemudahan aktiviti keusahawanan, manakala peluang ekonomi melalui pekerjaan pula menjadi pilihan ketiga belia. Pilihan pertama hingga ketiga menunjukkan gaya hidup dan aspek ekonomi merupakan pilihan utama belia dalam kehidupan mereka.

Pilihan yang ketiga hingga keenam pula melibatkan aspirasi terhadap kerajaan dan institusinya. Responden sangat mengharapkan kepimpinan kerajaan yang menepati janji yang dinyatakan semasa pilihan raya. Perkara tersebut diikuti pula dengan harapan untuk memilih pemimpin yang amanah dan mengamalkan ketelusan dalam pentadbiran negara. Dapatan ini

relaven dengan aspirasi belia terhadap demokrasi, kebebasan dan hak asasi rakyat dalam sesebuah negara. Pilihan dalam kumpulan kedua, iaitu perkara ketiga hingga keenam ini seakan-akan mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Pilihan yang ketujuh hingga kesembilan, melibatkan mutu perkhidmatan awam dan urusan pentadbiran yang cekap. Seterusnya, responden mengharapkan wujudnya kepesatan ekonomi dalam negara, manakala aspirasi kesembilan pula melibatkan usaha meningkatkan pendidikan kepada belia. Didapati seramai 424 responden bersetuju dan amat bersetuju dengan aspirasi bahawa pendidikan untuk belia harus diperlakukan ke tahap yang lebih tinggi.

Seterusnya dalam kumpulan yang keempat pula melibatkan kedudukan ke-10 hingga ke-12 ialah bersifat tuntutan, iaitu inginkan cadangan mereka diterima oleh pihak lain. Aspirasi ke-11 juga melibatkan tuntutan supaya kemudahan infrastruktur dan prasarana ditingkatkan oleh pihak berwajib. Selain itu, dalam aspirasi yang ke-12 juga, belia menuntut agar kedudukan yang lebih banyak dalam politik.

Berdasarkan dapatan dalam Jadual 2, disimpulkan bahawa aspirasi belia boleh dikategorikan kepada empat bahagian. Kategori yang pertama melibatkan perkara yang asas, iaitu aspirasi belia terhadap gaya hidup yang aktif, keusahawanan dan ekonomi. Kategori yang kedua pula melibatkan harapan daripada pemerintah. Kategori yang ketiga melibatkan urusan perkhidmatan dan kepenggunaan, manakala kategori yang keempat pula bersifat tuntutan kepada pihak lain.

**Jadual 2.** Aspirasi belia mengikut susunan keutamaan.

Bil.	Aspek Aspirasi Belia	Jumlah (%)				
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
1	Mementingkan gaya hidup, sukan dan hiburan (x4)	11(2.4)	17 (3.7)	5 (1.1)	158 (34.7)	254 (58.0)
2	Kemudahan usahawan belia (x2)	11 (2.4)	12 (2.6)	4 (0.9)	151(33.2)	277(60.9)
3	Mengharap peluang pekerjaan (x1)	11 (2.4)	13 (2.9)	2 (4.0)	133 (29.2)	296 (65.1)
4	Kerajaan yang menepati janji (x9)	11 (2.4)	12 (2.6)	4 (0.90) (2.60)	118 (25.9)	310 (68.1)
5	Belia memilih pemimpin yang amanah dan mengamalkan ketelusan dalam pentadbiran (x8)	11(2.4)	12(2.6)	4 (0.9)	128 (28.1)	300 (65.9)
6	Demokrasi, kebebasan dan hak asasi diterima (x6)	10 (2.2)	14 (3.10)	5 (1.1)	158(34.7)	268 (58.9)
7	Perkhidmatan awam yang cekap (x10)	11(2.4)	13 (2.9)	6 (1.3)	143(31.4)	282 (62.0)
8	Kerancakan ekonomi (x7)	10 (2.2)	13 (2.9)	8 (1.8)	202 (44.4)	222 (48.8)
9	Pendidikan kepada belia ditingkatkan (x5)	10 (2.2)	13 (2.9)	8(1.8)	158(34.7)	266 (58.5)
10	Tuntutan dan cadangan belia diterima (x11)	11(2.4)	15(3.3)	12 (2.6)	165 (36.3)	252 (55.4)

11	Kemudahan infrastruktur dan prasarana (x3)	11 (2.4)	19(4.2)	19 (4.2)	159 (34.9)	247 (54.3)
12	Penyertaan lebih banyak dalam politik (x12)	11 (2.4)	17 (3.73)	31 (6.8)	167 (36.7)	229 (50.3)

N=455

Objektif kedua penyelidikan ini ialah untuk menganalisis korelasi setiap aspirasi dengan aspirasi yang lain. Rajah 3 merupakan formula pengiraan nilai pekali korelasi Spearman rho ( $r$ ) bagi menilai tahap hubungan antara aspirasi belia (Chua, 2008).

$$r = 1 - \left( \frac{6 \sum p^2}{N(N^2 - 1)} \right)$$

**Rajah 3:** Formula pekali korelasi Spearman Rho

Rajah 4 memaparkan hasil ujian Korelasi Spearman Rho terhadap suatu aspirasi belia dengan aspirasi yang lain yang ditunjukkan bentuk grafik. Aspirasi belia yang mengharapkan peluang pekerjaan (x1) didapati mempunyai korelasi secara berurutan dengan aspirasi kemudahan usahawan belia (x2); kerajaan yang menepati janji (x9); aspirasi demokrasi, kebebasan dan hak asasi diterima dengan baik (x6), dengan nilai korelasi yang kuat (<.71 hingga .90). Aspirasi kedua ialah kemudahan usahawan belia (x2) didapati mempunyai korelasi secara berurutan dengan aspirasi mengharap peluang pekerjaan (x1); kebebasan dan hak asasi diterima (x6); aspirasi perkhidmatan awam yang cekap (x10), dengan nilai yang kuat (<.71 hingga .90).


Aspirasi yang ketiga, iaitu kemudahan infrastruktur dan prasarana (x3) mempunyai korelasi secara berurutan dengan aspirasi demokrasi, kebebasan dan hak asasi diterima dgn baik (x6); Penyertaan lebih banyak dalam politik (x12) dan kemudahan usahawan belia (x2); dan seterusnya dengan aspirasi mementingkan gaya hidup, sukan dan hiburan (x4); dan perkhidmatan awam yang cekap (x10). Nilai korelasi antara aspirasi yang dinyatakan ini juga mempunyai ikatan yang kuat (<.71 hingga .90). Aspirasi belia yang mementingkan gaya hidup, sukan dan hiburan (x4) pula didapati mempunyai korelasi yang cukup baik dengan aspirasi pendidikan kepada belia ditingkatkan (x5); kemudahan usahawan belia (x2); dan kerancakan ekonomi (x7).

Kelima, aspirasi pendidikan kepada belia ditingkatkan (x5) mempunyai hubungan yang signifikan dengan demokrasi, kebebasan dan hak asasi diterima dgn baik (x6); aspirasi terhadap perkhidmatan awam yang cekap (x10); dan aspirasi yang menginginkan kerancakan ekonomi (x7) dalam negara. Aspirasi yang keenam pula mempunyai korelasi dengan aspirasi pendidikan kepada belia (x5); kemudahan usahawan belia (x2); dan dengan aspirasi mengharap peluang pekerjaan (x1).

Aspirasi kerancakan ekonomi (x7) pula mempunyai korelasi signifikan dengan aspirasi penyertaan lebih banyak dalam politik (x12); kemudahan infrastruktur dan prasarana (x3); dan perkhidmatan awam yang cekap (x10), dengan nilai korelasi yang kuat juga. Sementara itu, aspirasi memilih pemimpin yang amanah, dan mengamalkan ketelusan dalam pentadbiran (x8) mempunyai korelasi yang kuat dengan aspirasi kerajaan yang menepati janji (x9); perkhidmatan awam yang cekap (x10); dan aspirasi yang mengharap peluang pekerjaan (x1). Aspirasi yang kesembilan (x9) pula mempunyai korelasi dengan aspirasi yang kelapan (x8); aspirasi yang pertama (x1); dan aspirasi yang kesepuluh (x10) dengan nilai korelasi yang kuat. Bagi aspirasi belia

perkhidmatan awam yang cekap (x10) pula, hasil analisis mendapati mempunyai korelasi yang signifikan dengan aspirasi kerajaan yang menepati janji (x9); tuntutan dan cadangan belia diterima (x11); dan pendidikan kepada belia ditingkatkan (x5). Nilai korelasi yang diperoleh bermula dengan nilai .791 hingga .793, juga merupakan nilai hubungan yang kuat.

Aspirasi belia berkaitan dengan tuntutan dan cadangan belia (x11) mempunyai korelasi yang signifikan dengan aspirasi perkhidmatan awam yang cekap (x10); penyertaan lebih banyak dalam politik (x12); dan dengan aspirasi demokrasi, kebebasan dan hak asasi diterima (x6) dan mempunyai nilai kekuatan korelasi yang tinggi. Manakala, aspirasi belia yang terakhir dalam penyelidikan ini ialah penyertaan lebih banyak dalam politik (x12) mempunyai korelasi dengan aspirasi tuntutan dan cadangan belia diterima (x11); kemudahan infrastruktur dan prasarana (x3); dan aspirasi kerancakan ekonomi (x7) dengan nilai korelasi yang kuat (<.71 hingga .90).



**Rajah 4.** Korelasi antara aspirasi belia dan gambaran grafik kedudukan berdasarkan nilai pekali korelasi Spearman Rho

Berdasarkan analisis terhadap dapatan korelasi antara aspirasi belia telah menunjukkan bahawa kesemua korelasi atau hubungan yang wujud antara korelasi yang diuji mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai kekuatan korelasi yang kuat. Keadaan ini menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara satu aspirasi dengan aspirasi yang lain secara serentak dan dalam masa yang sama. Dapatkan ini menunjukkan bahawa sesuatu aspirasi belia yang dinyatakan oleh mereka mempunyai kaitan dengan aspirasi yang lain. Dapatkan juga telah menunjukkan bahawa responden tidak mempunyai suatu aspirasi yang bersifat khusus dalam sesuatu masa yang sama. Sementara itu, aspirasi perkhidmatan awam yang cekap (x10) merupakan satu daripada aspirasi yang paling banyak mempunyai kaitan dengan aspirasi utama belia seperti aspirasi [x2, x3, x5, x7 dan x8]. Keadaan ini menunjukkan bahawa mutu perkhidmatan awam menjadi satu daripada fokus utama belia di negara ini.

Objektif ketiga dalam penyelidikan ini ialah untuk menganalisis pengaruh pemboleh ubah yang mempengaruhi aspirasi golongan belia. Pemboleh ubah bebas seperti faktor jantina, umur, pekerjaan dan pendidikan kepada kewujudan aspirasi belia di negara ini, manakala, pemboleh ubah bersandar terdiri daripada budaya politik keluarga, pengaruh rakan sebaya, iklan politik di jalanan, pengaruh media sosial dan pengaruh televisyen. Jadual 3 merupakan hasil analisis pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap aspirasi belia dalam kalangan responden kajian. Pemboleh ubah yang pertama ialah jantina. Hasil analisis menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempunyai kesan yang kuat terhadap pembentukan aspirasi belia dalam kalangan responden kajian. Nilai

korelasi juga dalam kategori yang sangat lemah dan lemah (.01 hingga .30 - sangat lemah; .31 hingga .50 - lemah), dan tidak signifikan (Chua, 2011; Fuad, 2017).

Bagi pemboleh ubah umur pula, didapati mempunyai pengaruh yang signifikan dengan aspirasi mementingkan gaya hidup, sukan dan hiburan (x4); aspirasi kerancakan ekonomi (x7); aspirasi tuntutan dan cadangan belia diterima (x11); dan aspirasi agar penyertaan lebih banyak dalam politik (x12). Bagaimana pun nilai korelasi yang menunjukkan kekuatan pengaruhnya berada pada tahap sangat lemah (.99; .140; .102 dan .211). Keadaan ini menunjukkan bahawa faktor umur walaupun mempunyai pengaruh terhadap gaya hidup, kerancakan ekonomi dan tuntutan agar suara belia dan penyertaan dalam politik dalam kalangan belia adalah signifikan, tetapi faktor-faktor ini wujud dalam keadaan nilai korelasi yang sangat lemah.

Sementara itu, didapati faktor pekerjaan mempunyai pengaruh yang signifikan tetapi juga pada tahap yang sangat lemah, iaitu -0.187. Nilai negatif ini menunjukkan berlaku hubungan yang songsang, iaitu bermaksud bahawa ketidaan pekerjaan akan membantkitkan aspirasi belia dalam aspek tersebut. Pengaruh aspirasi dalam aspek pekerjaan tidak akan wujud dalam kalangan belia yang mempunyai pekerjaan. Walau bagaimanapun, nilai kekuatan aspirasinya berada pada keadaan yang sangat lemah.

Berlainan pula keputusan hasil analisis terhadap faktor pendidikan. Hasil kajian mendapati, pendidikan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesemua aspirasi belia yang dinyatakan dalam penyelidikan ini. Namun begitu, hasil analisis menunjukkan nilai pengaruhnya berada pada tahap yang sangat lemah (walaupun signifikan). Walau bagaimanapun, boleh disimpulkan bahawa pendidikan boleh menjadi faktor yang mendorong kewujudan aspirasi-aspirasi dalam kalangan belia di negara ini.

**Jadual 3.** Pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap aspirasi belia.

Pemboleh ubah bebas	Kod aspirasi belia											
	x1	x2	x3	x4	x5	x6	x7	x8	x9	10	x11	x12
Jantina	.071	.071	-.004	.027	.059	.027	.029	.019	.011	.041	.035	.038
Umur	-	.072	.117	.099*	.073	.030	.140**	.057	-.005	.077	.102*	.211**
Pekerjaan	-	-.031	-.090	-.071	-.035	-.024	-.029	-.029	.027	-.032	-.092	-.187**
Pendidikan	.144*	.157**	.142**	.172**	.143**	.167**	.101**	.112**	.105**	.146**	.147**	.133**

N-455

## Perbincangan

Dapatan penyelidikan ini jelas menunjukkan bahawa belia mempunyai pelbagai aspirasi dan kesemua aspirasi yang dicadangkan telah dipersetujui oleh majoriti belia yang menjadi responden kajian ini. Keadaan ini menunjukkan belia begitu bermotivasi mengubah persekitaran sosial mereka kepada perkara yang dilihat lebih ideal mengikut sudut pandang mereka. Segala-gala perkara yang wujud di persekitaran sosial ingin diubah menjadi lebih baik. Keadaan ini selaras dengan penemuan yang dinyatakan oleh Sika (2021), iaitu belia inginkan pandangan mereka menjadi suatu pandangan umum. Belia mempunyai semangat dan kecenderungan untuk

memperlihatkan kepada masyarakat, bahawa idea mereka merupakan pandangan majoriti masyarakat. Oleh sebab itulah, suatu aspirasi dan tuntutan yang dilakukan oleh belia diperlihatkan sebagai suatu gerakan massa yang mewakili seluruh masyarakat. Gerakan yang dilakukan itu akan mendapat sokongan majoriti belia disebabkan kewujudan aspirasi untuk mengubah persekitaran dunia, terutama terhadap isu kebebasan dan berkaitan politik (Abbott, Teti & Sapsford, 2021). Keadaan ini turut berlaku di Malaysia. Tuntutan belia terhadap pembaharuan politik dan pentadbiran mendapat sokongan, apatah lagi jika isu yang melibatkan keadilan sosial, diskriminasi dan salah laku pentadbiran. Semangat yang tinggi untuk mengubah persekitaran sering kali digunakan oleh pihak berkepentingan untuk menarik sokongan belia terhadap sesuatu isu yang ditimbulkan (Mohd Irwan, 2018).

Dalam konteks kajian ini, belia lebih mementingkan keperluan gaya hidup, sukan dan hiburan yang kemudiannya diikuti oleh perkara yang melibatkan ekonomi. Perkara ini jelas menunjukkan belia sebenarnya mementingkan perkara yang boleh memuaskan kehidupan mereka. Gaya hidup, sukan dan hiburan memerlukan dokongan ekonomi yang kukuh untuk dicapai. Oleh itu, perkara-perkara yang lain bukanlah menjadi suatu yang bersifat utama kepada belia. Perkara yang penting kepada belia adalah segala hal yang boleh membawa kepada matlamat memenuhi kehendak gaya hidup mereka. Perkara ini telah dibuktikan melalui analisis aspirasi belia terhadap pembolehubah pekerjaan yang mempunyai hubungan secara songsang (Jadual 3). Ketiadaan pekerjaan membawa maksud hilangnya keupayaan ekonomi untuk memenuhi keperluan aspirasi gaya hidup, sukan dan hiburan dalam kalangan belia. Aspirasi terhadap mutu perkhidmatan awam ( $x_{10}$ ) merupakan aspirasi yang paling banyak mempunyai kaitan dengan aspirasi belia yang dikaji. Aspirasi yang mempunyai kaitan dengan mutu perkhidmatan awam ialah melibatkan kemudahan usahawan ( $x_2$ ), kemudahan infrastruktur dan prasarana ( $x_3$ ), pendidikan belia dipertingkatkan ( $x_5$ ), kerancakan ekonomi ( $x_7$ ), dan pemimpin yang amanah dan telus dalam pentadbiran ( $x_7$ ) merupakan perkara yang berkaitan dengan ekonomi. Kerancakan ekonomi secara tidak langsung mewujudkan peluang pekerjaan kepada belia yang menyumbang kepada pemerolehan pendapatan kepada mereka (Assaad dan Kraff, 2021; Mok dan Xiong dan Ye, 2021; Ponomareva, 2021; Dida, 2021). Pentadbiran awam dilihat penting dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Kecekapan perkhidmatan awam menjamin sistem penyampaian dalam sesebuah negara (Mohd Balwi et al., 2012; Sabtu, Mohamad Suhaimy & Razali, 2021).

Pengaruh umur dan tahap pendidikan didapati antara unsur yang mempunyai kaitan terhadap pembentukan aspirasi belia walaupun pada tahap yang lemah. Faktor-faktor lain seperti jantina dan pekerjaan dilihat tidak mempunyai kaitan langsung dengan pembentukan aspirasi belia. Korelasi yang lemah terhadap aspek umur dan pendidikan serta ketiadaan korelasi yang signifikan boleh membawa maksud bahawa pembentukan aspirasi belia bukan berasaskan prinsip yang jelas daripada belia. Keadaan ini menunjukkan bahawa aspirasi belia yang diperjuangkan oleh belia itu sendiri merupakan suatu dorongan dari luar yang bukannya berasaskan aspirasi sepenuhnya daripada belia. Keadaan ini seolah-olah selaras dengan pendapat Junaidi et al. (2020) yang menjelaskan bahawa belia boleh dipergunakan oleh pihak yang berkepentingan (politik) untuk mencapai agenda parti politik tertentu. Keterbukaan belia dalam membicarakan isu secara nyata dalam media siber telah memperlihatkan bahawa sesuatu yang dibicarakan itu merupakan agenda dan aspirasi belia. Penglibatan belia secara lantang boleh menghasilkan perubahan kepada lanskap politik negara (Yazid et al., 2020). Perubahan tetap boleh berlaku walaupun aspirasi yang dimiliki oleh belia itu sebenarnya tidak disedari kewujudannya oleh para belia itu sendiri. Aspirasi belia boleh dicetuskan secara luaran oleh pihak lain sehingga disedari oleh belia bahawa itu adalah aspirasi mereka.

Perkara utama yang menjadi punca aspirasi bermula kehendak belia mencapai suatu gaya hidup, aktiviti sukan dan hiburan dalam kerangka belia itu sendiri. Kehendak-kehendak ini akan dapat dicapai melalui keupayaan ekonomi, perubahan pemikiran dan pendemokrasian struktur pentadbiran negara ke arah yang lebih liberal (Mohd Irwan, 2018; Junaidi et al., 2020). Keinginan mencapai tahap gaya hidup moden dan terkini merupakan inti pati utama dalam penentuan aspirasi belia. Fenomena ini merupakan satu fenomena sejagat bagi golongan belia. Hasil dapatan dalam penyelidikan ini mempunyai persamaan dengan dapatan yang ditemui Somaiah dan Yeoh (2021), yang mendapati bahawa gaya hidup moden merupakan aspirasi utama para belia. Sumber-sumber ekonomi yang menjamin perlu dicapai oleh belia-belia ini bagi mengekalkan keperluan gaya hidup dan aktiviti sukan yang menampilkan imej yang tinggi. Aktiviti sukan yang berprofil tinggi seperti sukan berbasikal dengan jenama mahal, keahlian di gimnasium dan aktiviti selam scuba menjadi antara sukan yang menjadi gaya hidup semasa belia yang berjaya. Keperluan-keperluan memenuhi gaya hidup mewah, moden dan popular ini menjadi aspirasi belia terhadap pembukaan sektor-sektor ekonomi baharu yang menjadi pendapatan yang lebih (Web, 2021; Sadovskaya, Fakhrutdinova & Kochanova, 2019). Untuk mencapai keperluan ekonomi tersebut, belia akan mencari peluang dan ruang bagi menuntut keperluan mereka dipenuhi oleh pemerintah melalui penyertaan dalam parti-parti politik. Penyertaan dalam parti politik dilihat oleh belia sebagai wadah dalam menuntut segala pembaharuan yang boleh mencapai matlamat ekonomi untuk meneruskan gaya hidup yang menjadi aspirasi golongan belia.

Berdasarkan dapatan yang telah ditemui, boleh tegaskan bahawa belia mempunyai banyak aspirasi dalam kehidupan mereka. Mereka berupaya menggerakkan aspirasi mereka menjadi sebuah gerakan massa yang mampu mengubah lanskap sosiopolitik dalam sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, aspirasi belia boleh menjadi penentu kepada perubahan sosiopolitik semasa. Aspirasi yang menjadi tuntutan belia boleh dijadikan modal politik oleh parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya kerana aspirasi belia merupakan perkara yang begitu ideal bagi setiap masyarakat di dunia. Setiap aspirasi yang diutarakan oleh belia mempunyai kaitan antara setiap satunya, kerana setiap aspirasi yang ditimbulkan mempunyai kesinambungan dan saling berkait. Bagaimana pun, timbul persoalan yang begitu jelas tentang bagaimana aspirasi belia ini wujud dalam pemikiran belia itu sendiri. Persoalan ini wujud setelah dapatan yang melibatkan pemboleh ubah bebas seperti jantina, umur, pekerjaan dan tahap pendidikan mempunyai pengaruh yang lemah dengan aspirasi yang ada dalam kalangan belia. Begitu juga terhadap pengaruh pemboleh ubah bersandar seperti pengaruh budaya politik keluarga, rakan sebaya, iklan politik, media sosial dan televisyen mempunyai pengaruh yang lemah. Fenomena ini berkemungkinan terdapatnya pengaruh lain yang mewujudkan aspirasi-aspirasi dalam kalangan belia di negara ini.

## Kesimpulan

Aspirasi merupakan sesuatu aspek yang bukan sahaja mampu menggerakkan belia untuk menuntut perubahan besar dalam sosiopolitik dalam sesebuah negara, malah berkeupayaan mempengaruhi pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 nanti. Keputusan kajian mendapati bahawa aspek gaya hidup, sukan dan kemudahan untuk mendapat sumber ekonomi merupakan aspirasi yang utama dalam kalangan belia. Jelas menunjukkan bahawa terdapatnya korelasi atau pengaruh signifikan antara setiap aspirasi dalam kalangan belia. Analisis pengaruh pemboleh ubah bebas dan bersandar dengan aspirasi belia merupakan objektif ketiga kajian ini. Hasil analisis menunjukkan pengaruh pembolehubah bebas dan bersandar didapati tidak begitu kuat dalam

mempengaruhi pembentukan aspirasi-aspirasi belia di negara ini. Implikasi yang besar yang didapati daripada kajian ini adalah berkaitan dengan kewajaran membenarkan belia pada umur 18 tahun mengundi dalam pilihan raya umum sebagai pemilih. Sekiranya aspirasi yang wujud dalam kalangan belia seperti yang dijelaskan dalam kajian ini tidak berdasarkan pertimbangan yang wajar akan menjadikan pemilihan yang dibuat oleh mereka bukan menjadi suatu yang tepat dan berdasarkan pertimbangan yang matang. Bagaimanapun datapan-dapatan dalam kajian ini boleh digunakan sebagai formula oleh parti-parti politik dalam merangka dasar manifesto masing-masing untuk mendapat sokongan belia-belia semasa kempen Pilihan Raya Umum Ke-15 nanti.

## Rujukan

- Abbott, P., Teti, A., Sapsford, R. (2020). The tide that failed to rise: Young people's politics and social values in and after the Arab Uprisings. *Mediterranean Politics*, 25(1), 1-25. <https://doi.org/10.1080/13629395.2018.1482124>
- Akmal, F. & Salman, A. (2015). Youth online political participation through new media information democracy space. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 81-100. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3101-05>
- Ananthpur, K., & Viswanathan, R. (2019). *Caste and the business of democracy: Insights from rural Karnataka1. Change and mobility in contemporary India: Thinking M. N. Srinivas Today*, London: Routledge India. <https://doi.org/10.4324/9780429345074-5>
- Arlyapova, E. S., & Ponomareva, E. G. (2021). The economy of self-declared Kosovo. *World Economy and International Relations*, 65(4), 58-70. <https://doi.org/10.20542/0131-2227-2021-65-4-58-70>
- Assaad, R., & Krafft, C. (2021). Excluded generation: The growing challenges of labor market insertion for Egyptian youth. *Journal of Youth Studies*, 24(2), 186-212. <https://doi.org/10.1080/13676261.2020.1714565>
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur, McGraw-Hill.
- Dida, T. (2021). Drivers and experiences of unemployed youth graduates in Ethiopia. *Youth Voice Journal*, 11, 1-15.
- Dunn, C., & Falkof, N. (2021). You've got to be real: Authenticity, performativity and micro-celebrity in South Africa. *Frontiers in Sociology*, 6, 1-9. <https://doi.org/10.3389/fsoc.2021.652485>
- Gartner, K. (2021). Shiny Shabomen. Young instrumental musicians in Accra, and performances of masculinities in popular music. *Gender, Place and Culture*, 28(6), 806-828. <https://doi.org/10.1080/0966369X.2020.1786016>
- Gergan, M. D., & Curley, A. (2021). Indigenous youth and decolonial futures: Energy and environmentalism among the Diné in the Navajo Nation and the Lepchas of Sikkim, India. *Antipode*. <https://doi.org/10.1111/anti.12763>
- Guerra, P., Feixa Pàmpols, C., Blackman, S., & Ostegaard, J. (2020). Introduction: Songs that sing the crisis: music, words, youth narratives and identities in late modernity. *Young*, 28(1), 5-13. <https://doi.org/10.1177/1103308819879825>
- Henning, J. I. F., Matthews, N., August, M., & Madende, P. (2022). Youths' perceptions and aspiration towards participating in the agricultural sector: A South African case study. *Social Sciences*, 11(5), 215. <https://doi.org/10.3390/socsci11050215>

- Huijsmans, R., Ansell, N., & Froerer, P. (2021). Introduction: Development, young people, and the social production of aspirations. *European Journal of Development Research*, 33(1), 1-15. <https://doi.org/10.1057/s41287-020-00337-1>
- Junaidi Awang Besar, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Amer Saifude Ghazali, Mazlan Ali, Nur Azuki Yusuff, Nasir Nayan, & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2020). Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (Pru-14) 2018 Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 5(19), 128-144. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.5190010>
- Karruz, A. P., & Mello, C. (2021). Aspirations to public higher education and the “quotas law”. *Cadernos de Pesquisa*, 51, 1-19. <https://doi.org/10.1590/198053147274>
- Maloutas, T., & Malouta, M. P. (2021). Education inequalities and political behaviour of the young in Greece in the 2010s. *Languages Cultures Mediation*, 8(1), 153-169. <https://doi.org/10.7358/LCM-2021-001-MAPA>
- Marzudi Md Yunus, Mohd Mahadee Ismail, Azlina Abdullah, Nor Azlili Hassan, & Hairol Anuar Mak Din. (2020). Analisis tahap penerimaan isu Melayu-Islam dalam kempen pilihan raya di kawasan Melayu pinggir bandar. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 132-149. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1604-10>
- Mohd Balwi, M. K., Md Yusoff, R., Abd. Hamid, M. A., Othman, M. F., & Markom, N. (2012). Etika kerja dalam kalangan penjawat awam Malaysia: Perbincangan makro dan mikro ke atas pembuatan keputusan etika. *Sains Humanika*, 58(1), 57-62. <https://doi.org/10.11113/sh.v58n1.204>
- Mohd Irwan Syazli Saidin. (2018). Persepsi dan pengaruh Arab Spring terhadap Gerakan Angkatan Belia Islam Malaysia. *Akademika Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 88(1), 91-106. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8801-07>
- Mok, K. H., Xiong, W., & Ye, H. (2021). COVID-19 crisis and challenges for graduate employment in Taiwan, Mainland China and East Asia: A critical review of skills preparing students for uncertain futures. *Journal of Education and Work*, 34(3), 247-261. <https://doi.org/10.1080/13639080.2021.1922620>
- Muhamamd Zulhafizi bin Mohd Yusof & Zurinah binti Tahir. (2021). Faktor kejayaan usahawan muda dalam perniagaan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(1), 1-13.
- Nanjunda, D. C. (2019). Juvenile delinquents and the juvenile justice system in India: A perception after the fact. *Humanities, Arts and Social Sciences Studies*, 19(2), 256-270. <https://doi.org/10.14456/hasss.2019.13>
- Petukhov, V. V. (2020). Russian youth and its role in society transformation. Monitoring Obshchestvennogo Mneniya: *Ekonomicheskie i Sotsial'nye Peremeny*, 3(2021), 119-138. <https://doi.org/10.14515/monitoring.2020.3.1621>
- Sabtu, M. H., Mohamad Suhaimy, K. A., & Razali, N. A. (2020). Peranan negara dalam liberalisasi ekonomi Vietnam: Analisis terhadap Dasar Doi Moi 1986. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 1(1), 19-34. <https://doi.org/10.30880/ahcs.2020.01.01.002>
- Sadovskaya, L., Fakhrutdinova, N., & Kochanova, T. (2019). Global political destabilization and modern civic protest movements in Sub-Saharan Africa. *Journal of Globalization Studies*, 10(2), 77-90. <https://doi.org/10.30884/jogs/2019.02.06>
- Selboe, E. (2010). Youth and social change in Dakar, Senegal: Intergenerational Differences and Power Battles in Local Mosques. *Forum for Development Studies*, 37(3), 365-383. <https://doi.org/10.1080/08039410.2010.497934>

- Sika, N. (2021). Beyond the impasse? Dynamics of youth agency in times of crisis. *Mediterranean Politics*, 26(3), 273-284. <https://doi.org/10.1080/13629395.2020.1749803>
- Somaiah, B. C., & Yeoh, B. S. A. (2021). Temporal emotion work, gender and aspirations of left-behind youth in Indonesian migrant-sending villages. *Journal of Youth Studies*, 2021: 1-14. <https://doi.org/10.1080/13676261.2021.1952170>
- Vasyl, M., & Marian, B. (2022). Motives of teenagers to participate in fencing and football sports. *Journal of Physical Education and Sport*, 22(5), 1319-1326. <https://doi.org/10.7752/jpes.2022.05165>
- Webb, C. (2021). Liberating the family: Debt, education and racial capitalism in South Africa. *Environment and Planning D: Society and Space*, 39(1), 85-102. <https://doi.org/10.1177/0263775820942522>
- Wicht, A., Miyamoto, A., Lechner, C.M. (2022). Are girls more ambitious than boys? Vocational interests partly explain gender differences in occupational aspirations. *Journal of Career Development*, 49(3), 551-568. <https://doi.org/10.1177/0894845321991665>
- Yazid Saleh, Siti Noranizah Hafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan Saiyidatina Balkhis Norkhaidi, & Samsudin Suhaili. (2020). Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(1), 80-94. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1601-07>